



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 29 MEI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	PPN KELANTAN SAMAN MENTERI, NASIONAL, SH -11 PPN KELANTAN FAIL SAMAN PEMULA TERHADAP SALAHUDDIN, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3.	'5 TAHUN HIDU SAMPAH', DALAM NEGERI, UM -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4. 5.	HARUMANIS KEDAH TARIKAN BAHARU JELAPANG PADI, SH -ONLINE MEDAN NIAGA SATOK ROLE MODEL FOR NATION'S MARKETS, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# PPN Kelantan saman menteri

**Mohon batalkan Peraturan-Peraturan Peladang (Pindaan) 2019**

ADILA SHARININI WAHID

KOTA BHARU

**P**ertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bachok memfailkan saman di Mahkamah Tinggi di sini bagi memohon deklarasi berkaitan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 pada 22 April 2019 sebagai tidak sah dan terbatal.

Anggota Jemaah Pengarah PPN Kelantan, Datuk Aimi Jusoh dan Pengerusi Anggota Jemaah Pengarah PPK Bachok, Datuk

Awang Daud memfailkan saman itu melalui Tetuan Aziz Derashid Rosdin & Co dengan menamakan Menteri Perindustrian dan Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub serta Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang dan kerajaan Malaysia sebagai defendan-defendan.

Peguam PPN Kelantan, Datuk Abdul Aziz Derashid berkata, antara alasan permohonan tersebut masuk plaintif tidak dirujuk atau dirunding atau dimaklumkan lebih awal sebelum Peraturan (Pindaan) 2019 diluluskan.

"Defendan bertindak secara *ultra vires* apabila mewujudkan peraturan pindaan berkenaan.

"Tindakan defendan yang meluluskan Peraturan (Pindaan) 2019 dipercayai bertentangan dengan Artikel 10 (1)(c) Perlembagaan Persekutuan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Hadir sama Aimi, Awang dan Pengerusi PPN Perak, Datuk



Abdul Aziz (dua dari kanan) dan Aimi (dua dari kiri) meneliti permohonan saman difailkan mereka samudi diperhentikan Nadzri (kiri) dan Awang selepas sidang akhbar di Kota Bharu semalam.

Nadzri Ismail.

Abdul Aziz berkata, plaintif juga memohon satu injuksi inhibition supaya Peraturan (Pindaan) 2019 itu tidak berkuatkuasa sehingga kes saman berkenaan selesai.

"Kedua-dua plaintif turut memohon Mesyuarat Agung Tahunan PPK yang sepatutnya dibuat seawal-lewatnya 31 Julai 2019 ditangguhkan sehingga

penyelesaian kes," katanya.

Sementara itu, Aimi mendakwa Salahuddin cuba campur tangan dalam PPN dengan menungkar undang-undang bagi membolehkan beliau melantik secara terus perwakilan dalam pertubuhan tersebut.

"Sebelum ini pada 2016, sembilan Anggota Jemaah Pengarah PPN dilantik secara demokrasi oleh anggota di peringkat akar umbi, manakala menteri boleh melantik empat anggota secara terus.

"Selepas Peraturan (Pindaan) 2019 diwartakan pada 1 Mei lalu, menteri boleh melantik lima perwakilan secara terus manakala akar umbi hanya boleh memilih empat wakil dalam pertubuhan ini.

"Tindakan ini tidak adil kerana kerajaan tidak perlu campur tangan dalam urusan lantikan perwakilan kerana ia boleh mengganggu pertubuhan berkenaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

## PPN Kelantan fail saman pemula terhadap Salahuddin

Abdul Aziz Derashid (dua, kanan) Aimi (tengah) meneliti permohonan saman yang difailkan mereka sambil diperhatikan Nadzri (kiri) dan Awang kanan.

KOTA BHARU - Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bachok memfailkan saman di Mahkamah Tinggi di sini hari ini bagi memohon satu deklarasi berkait Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 bertarikh 22 April 2019 adalah tidak sah dan terbatal.

Plaintif iaitu Anggota Jemaah Pengarah PPN Kelantan, Datuk Aimi Jusoh dan Pengerusi Anggota Jemaah Pengarah PPK Bachok, Datuk Awang Daud memfailkan saman itu melalui Tetuan Aziz Derashid Rosdin & Co dengan menamakan Menteri Perindustrian dan Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub dan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang dan Kerajaan Malaysia sebagai defendan-defendan.

Peguam PPN Kelantan Datuk Abdul Aziz Derashid berkata, antara alasan permohonan dibuat termasuklah plaintif tidak dirujuk atau dirunding atau dimaklumkan lebih awal sebelum Peraturan (Pindaan) 2019 tersebut diluluskan.

“Defendan bertindak secara ‘ultra vires’ apabila mewujudkan peraturan pindaan berkenaan.

“Tindakan defendan-defendan yang meluluskan Peraturan (Pindaan) 2019 dipercayai bertentangan dengan Artikel 10 (1)(c) Perlembagaan Persekutuan,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Hadir sama Aimi, Awang dan Pengerusi PPN Perak Datuk Nadzri Ismail.

Beliau berkata plaintif juga memohon satu injunksi interim supaya Peraturan (Pindaan) 2019 tersebut tidak berkuatkuasa sehingga kes saman tersebut selesai.

“Kedua-dua plaintif turut memohon Mesyuarat Agung Tahunan PPK yang sepatutnya dibuat selewat-lewatnya 31 Julai 2019 ditangguhkan sehingga penyelesaian kes,” katanya.

Dalam pada itu, Aimi mendakwa Salahuddin cuba campur tangan dalam PPN dengan menukar undang-undang bagi membolehkan beliau melantik secara terus perwakilan dalam pertubuhan itu.

“Sebelum ini pada 2016 sembilan Anggota Jemaah Pengarah PPN dilantik secara demokrasi oleh anggota di peringkat akar umbi manakala menteri boleh melantik empat anggota secara terus.

“Selepas Peraturan (Pindaan) 2019 diwartakan pada 1 Mei lepas, menteri boleh melantik lima perwakilan secara terus manakala akar umbi hanya boleh memilih empat wakil dalam pertubuhan ini.

"Tindakan ini tidak adil kerana kerajaan tidak perlu campur tangan dalam urusan lantikan perwakilan kerana ia boleh mengganggu pertubuhan berkenaan," katanya.

Terdahulu, Salahuddin berkata, pelaksanaan pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 adalah untuk kebaikan semua pihak di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) khususnya untuk kepimpinan pertubuhan itu, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Katanya, kepimpinan LPP perlu diremajakan semula, bagi memastikan pertubuhan itu dapat membuat reformasi baharu untuk lebih maju dan mengorak langkah ke hadapan.

"Pada peringkat awal ini kita telah buat pindaan. Walaupun ada segelintir yang tidak bersetuju tetapi saya yakin 900,000 anggota peladang boleh terima pindaan ini, dan melihat tentang objektifnya.

"Bagi mereka yang membantah... itu hak mereka. Saya dengar dan teliti (bantahan), tetapi perubahan harus diteruskan. Saya tidak boleh berpatah balik dan saya harus melangkah ke hadapan demi kebaikan anggota peladang," katanya.

Warta berkenaan telah dibuat pada 19 April lepas oleh Pengerusi LPP, Mazlan Aliman dan diluluskan pada tarikh yang sama oleh Salahuddin serta dikuatkuasakan pada 1 Mei lalu.

Pindaan tersebut meliputi tiga peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Nafas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14

Sawah seluas 50 hektar kerap diserang tikus

# '5 tahun hidu sampah'



**Rintihan**  
RAKYAT

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**  
utusanperlis@utusan.com.my

■ **KANGAR 28 MEI**

**B**UKAN sebulan dua tetapi lima tahun lamanya, seramai 30 orang pesawah di Utan Aji di sini, terpaksa menghidu bau busuk ekoran sikap tidak bertanggungjawab pihak tertentu yang melonggokkan sisa sampah di kawasan itu.

Dalam tempoh itu, bukan sahaja mereka mengalami gangguan psikologi setiap hari, tetapi lebih malang perbuatan pihak berkenaan telah mengakibatkan kawasan pertanian seluas 50 hektar itu kerap diserang makhluk perosak seperti tikus.

Berikutan padi yang dirosakkan tikus, mereka terpaksa menanggung kerugian mencecah puluhan ribu ringgit setiap kali musim penanaman.

Hasil tinjauan mendapati longgokan sampah sarap termasuk kaca, lampin pakai buang dan sisa makanan memenuhi lokasi tersebut. Lebih menjijikkan, turut kelihatan bangkai tikus sehingga menjejaskan pemandangan dan bau busuk.

Pesawah, **Ahmad Nordin**, 59, berkata, banyak benih padi yang



**PENDUDUK** menunjukkan tempat sampah dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab berhampiran kawasan sawah mereka di Utan Aji, Kangar, Perlis, semalam.



**MOHAMAD ISMAIL**



**AHMAD NORDIN**

ditanamnya dan para pesawah lain pada musim ini rosak akibat serangan tikus.

Selain itu, katanya, air hujan daripada kawasan sampah itu turut mengalir ke dalam sawah yang mendorong penyusutan kualiti padi.

"Kami rugi banyak akibat masalah ini. Bayangkan kami terpaksa berhadapan dengan

serangan tikus dan bau sampah sekali gus menyebabkan persekitaran kami menyesalkan.

"Ada yang sesuka hati membuang sampah tanpa menyedari ia mengundang masalah besar kepada para petani," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Seorang lagi pesawah, **Mohamad Ismail**, 74, pula berkata, gangguan dan serangan tikus itu menyebabkan anak padi di bahagian tepi bendang tersebut tidak menjadi.

"Musim ini sahaja para petani mengalami kerugian besar kerana sudah tiga kali terpaksa menabur semula benih (padi). Kami berharap Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang menyelia kawasan ini dapat membantu menyelesaikan masalah yang menjadi bebanan para petani sejak 10 musim itu (lima tahun)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/5/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Harumanis Kedah tarikan baharu Jelapang Padi

Azman (kiri) memegang banting Majlis Pelancaran Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya bersempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kedah 2019 di Plaza Tol Hutan Kampung, semalam.

ALOR SETAR - Mangga Harumanis Kedah yang mengeluarkan hasil pertama pada awal bulan ini dijangka menjadi tarikan terbaharu di negeri itu.

Exco Pertanian dan Asas Tani, Azman Nasrudin berkata, selain Harumanis Perlis, Kedah sebenarnya turut memiliki buah Harumanis sendiri dikenali sebagai Harumanis Kedah.

Azman berkata, keenakan buah Harumanis Kedah tidak kalah dari Harumanis Perlis, cumanya kurang bau.

"Harumanis Kedah yang telah mula dijual kepada orang ramai dan ditanam lebih 30 hektar di Padang Terap dan Kubang Pasu ini memiliki keunikan tersendiri.

"Jadi, orang ramai diharapkan tidak melepaskan peluang mendapatkan Harumanis Kedah yang dijual RM25 sekilogram (kg) apabila pulang berhari raya di Kedah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Pelancaran Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya bersempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kedah 2019 di Plaza Tol Hutan Kampung, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Kedah, Chan Pei Hong, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kedah, Isma Suhaimi Sharif dan Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasa Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah Superintendan Chuah Seong Lim.

Azman berkata, beliau turut mengharapkan permintaan terhadap Harumanis Kedah diharapkan meningkat bersempena sambutan Aidilfitri ini.

"Kita harap buah Harumanis Kedah yang sudah mula mengeluarkan hasil akan mendapat permintaan lebih baik selepas raya ini," katanya.

Menurutnya, Harumanis Kedah yang dikeluarkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berkenaan turut memiliki bungkusan dan logo tersendiri.

Azman berkata, kehadiran Harumanis Kedah yang diperkenalkan berkenaan adalah saling melengkapi dengan Harumanis Perlis.

Headline	Medan Niaga Satok role model for nation's markets		
MediaTitle	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)		
Date	29 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Medan Niaga Satok role model for nation's markets

KUCHING: Medan Niaga Satok is the role model for markets in the country because it provides comfortable space and good facilities for traders to sell products, said Minister of Agriculture and Agro-based Industry Datuk Salahuddin Ayub.  
Speaking at the br...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)